| Headline | Adinda Sultan Selangor dahului senarai | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Berita Harian | | |
| Date | 12 Dec 2018 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 69,985 |
| Page No | 7 | Readership | 209,955 |
| Language | Malay | ArticleSize | 316 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 10,893 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 32,678 |




# Adinda Sultan Selangor dahului senarai

**Seramai 114 terima darjah, bintang sempena Hari Keputeraan Sultan Selangor**

**Klang**

Adinda kepada Sultan Selangor, Tengku Puteri Nor Zehan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj, mendahului senarai 114 penerima darjah dan bintang kebesaran Selangor sempena ulang tahun ke-73 Hari Keputeraan Sultan Selangor, Sultan Shaharafuddin Idris Shah, semalam.

Tengku Puteri Nor Zehan yang juga Yang Dipertua, Rumah Amal Cahaya Tengku Ampuan Rahimah (RACTAR) dikurniakan Darjah Kerabat Selangor Yang Amat Dihormati (DK II).

Panglima Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jeneral Tan Sri Panglima Zulkifli Zainal Abidin; bekas Peguam Cara Negara II, Datin Paduka Zauyah T Loth Khan dan Pengarah Urusan Khazanah Nasional Bhd Datuk Shahril Ridza Ridzuan adalah penerima Darjah Kelas Pertama – Darjah Kebesaran Seri Paduka Mahkota Selangor (SPMS), yang membawa gelaran Datuk Seri bagi lelaki dan Datin Paduka Seri (wanita).

Sementara itu, Tengku Puan Indera Setia Selangor, Tunku Irinah Tuanku Jaafar; Ahli Dewan di-Raja Selangor, Datuk Salehuddin Saidin dan Pro Canselor Universiti Putra Malaysia, Tan Sri Lim Ah Lek @ Lim Mok Siang menerima Darjah Kebesaran Datuk Setia – Sultan Sharafuddin Idris Shah (SSIS) (Kelas Pertama) yang membawa gelaran Datuk Setia bagi lelaki dan Datin Paduka Setia (wanita).

Istiadat pengurniaan darjah dan bintang kebesaran itu berlangsung di Istana Alam Shah di sini.

## Penerima DPMS

Hakim Mahkamah Tinggi Shah Alam, Datuk Mohamad Zabidin Mohd Diah mendahului senarai sembilan penerima Darjah Kebesaran Datuk Paduka Mahkota Selangor (DPMS) (Kelas Kedua) yang membawa gelaran Datuk bagi lelaki dan Datin Paduka bagi wanita.

Penerima DPMS lain ialah Panglima Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Laksamana Datuk Mohd Reza Mohd Sany; Panglima 11 Briged ATM, Brig Jeneral Dr Mohd Radzi Abdul Hamid; Ketua Polis Selangor, Datuk Pahlawan Mazlan Mansor; Pengarah Touch Group Holdings Sdn Bhd, Tengku Datuk Muhamad Mazlan Tengku Putera Zainal Abidin; Pegawai Daerah Petaling, Roslinah Md Jani; Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Selangor, Muhammad Ridzuan Arshad; Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kajang, Mohd Sayuthi Bakar dan Profesor Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul, Universiti Putra Malaysia, Prof Dr Mohd Ali Hassan.

Selain itu, seramai 10 individu menerima Darjah Kebesaran Datuk Sultan Sharafuddin Idris Shah (DSIS) (Kelas Kedua) yang membawa gelaran Datuk bagi lelaki dan Datin Paduka bagi wanita.

Mereka adalah Panglima Pasukan Khas Laut (PASKAL), Laksamana Pertama Anuar Alias; Pengerusi Antara Holiday Sdn Bhd, Tan Sri Azman Shah Haron; Ketua Eksekutif Cancer Research Malaysia, Prof Dr Teo Soo Hwang; Dekan Fakulti Perubatan Veterinar Universiti Putra Malaysia, Prof Dr Mohd Hair Bejo; Ketua Pegawai Eksekutif TH Travel & Services Sdn Bhd, Datuk Mohd Khalid Mohd Noordin dan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Abd. Hamid Hussain.

Turut menerima DSIS ialah Pengerusi Singapore GP Pte Ltd yang juga Ketua Delegasi Pasukan Singapura, Piala Sultan Selangor, Teo Hock Seng; Dekan Fakulti Komunikasi HELP University, Dr Khairuddin Othman; Ketua Pegawai Eksekutif, Education and Healthcare Division Sunway Group, Dr Lee Weng Keng dan Pengarah Eksekutif Teknikal dan Pengeluaran Nestle Philippines, Adnan Hisham Pawanteh.

Lima penerima Darjah Kebesaran - Ahli Kegemilangan Sukan Selangor (AKS) ialah atlet boling padang Sarjan Emma Firyana Saroji; atlet sepak takraw, Farhan Adam; atlet gimrama Amy Kwan Dict Weng; atlet pencak silat Muhammad Faizul M Nasir dan atlet tenpin boling Siti Safiyah Amirah Abdul Rahman. **BERNAMA**

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Hafizh Syahrin terima anugerah BKS | | |
| MediaTitle | Berita Harian | | |
| Date | 12 Dec 2018 | Color | Full Color |
| Section | Sukan | Circulation | 69,985 |
| Page No | 60,64 | Readership | 209,955 |
| Language | Malay | ArticleSize | 386 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 13,306 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 39,917 |




# PINGAT SEMANGAT

Hafizh Syahrin terima anugerah BKS **Ms.60**

**ULANG TAHUN KE-73 HARI KEPUTERAAN SULTAN SELANGOR**

# Hafizh Syahrin terima anugerah BKS

Pelumba MotoGP jadikan pembakar semangat musim 2019

**Klang**

Pelumba MotoGP negara, Hafizh Syahrin Abdullah berharap anugerah Bintang Kecemerlangan Sukan Selangor (BKS) yang diterimanya semalam menjadi pembakar semangat kepada bakat muda lain untuk terus beraksi dan menempa kejayaan dalam perlumbaan motosikal yang kini semakin diminati rakyat negara ini.

Pelumba MotoGP pertama Malaysia itu berkata anugerah yang diterima daripada Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah memberikan semangat kepadanya untuk terus beraksi dan melakukan yang terbaik dalam setiap perlumbaan.

"InsyaAllah, anugerah ini dapat memberikan semangat kepada anak muda di Selangor membuat yang terbaik (dalam sukan permotoran)," katanya ketika ditemui pemberita selepas menerima anugerah itu daripada Sultan Selangor sempena ulang tahun ke-73 Hari Keputeraan baginda di Istana Alam Shah, di sini.

**Fokus GP Qatar**

Mengenai persiapan untuk musim 2019, Hafizh Syahrin, 24, dari Ampang, Selangor, berkata tumpuannya kini ke arah saingan pembuka tirai Kejuaraan MotoGP di Qatar yang akan berlangsung Mac depan.

"Saya akan menjalani latihan di Litar Sepang mulai awal tahun depan sehingga Februari sebelum beraksi di pembuka tirai kejuaraan MotoGP di Qatar," katanya.

Sebelum ini, Hafizh Syahrin berjaya menamatkan perlumbaan sulungnya di dalam kejuaraan MotoGP Qatar yang berlangsung di Litar Losail, Mac tahun ini.

Pada perlumbaan itu, Hafizh memungut dua mata.

Beliau yang memulakan perlumbaan di petak ke-15 kemudiannya menamatkan saingan di kedudukan ke-14 dan ketinggalan 20.299 saat di belakang pendahulu perlumbaan, Andrea Dovizioso dari Itali yang mewakili pasukan Ducati.

Hafizh Syahrin adalah antara 114 penerima darjah dan bintang kebesaran Selangor pada majlis itu. **BERNAMA**



*Sultan Sharafuddin menganugerahkan Bintang Kecemerlangan Sukan Selangor kepada Hafizh Syahrin di Istana Alam Shah, semalam.*

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Hormati, fahami kontrak sosial - Sultan | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | | |
| Date | 12 Dec 2018 | Color | Full Color |
| Section | Dlm Negeri | Circulation | 112,050 |
| Page No | 1,4 | Readership | 336,150 |
| Language | Malay | ArticleSize | 451 cm² |
| Journalist | MOHD. ASRON MUSTAPHA | AdValue | RM 8,914 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 26,741 |



BIL 293 TAHUN KE-54 PP362/12/2012 (031409)



**Hormati, fahami kontrak sosial - Sultan Selangor »4**



SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH memeriksa perbarisan sempena Istiadat Penganugerahan dan Pengurniaan Darjah dan Bintang Kebesaran Negeri Selangor sempena menyambut Ulang Tahun Hari Keputeraan Ke-73 baginda di Istana Alam Shah, Klang, Selangor semalam. - BERNAMA

# Hormati, fahami kontrak sosial – Sultan

Oleh MOHD. ASRON MUSTAPHA
mohdasron.mustapha@utusan.com.my

**KLANG 11 DIS.**

RAKYAT negara ini harus memahami dan menghormati kontrak sosial yang menjadi asas persefahaman di antara kaum ketika Malaysia berusaha memperoleh kemerdekaan bagi memastikan tidak berlaku sebarang pencabulan sehingga boleh menggugat keharmonian.

Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah bertitah, akibat sikap rakyat serta pemimpin politik yang tidak mengambil berat untuk cuba memahami serta menghormati kontrak sosial, menyebabkan timbul pelbagai isu dan syak wasangka antara kaum kebelakangan ini.

Tegas baginda, senario itu menggugat keharmonian serta perpaduan masyarakat Malaysia dan insiden rusuhan yang berlaku di Kuil Sri Maha Mariamman di Petaling Jaya baru-baru ini sebenarnya boleh dielakkan jika semua pihak saling menghormati sensitiviti di antara kaum.

"Rakyat di negara ini perlu tahu mengenai sejarah pembentukan kontrak sosial. Ia satu bentuk persetujuan dan persefahaman di antara kaum dan kita tidak boleh sama sekali melupakan asal-usul, (mesti) melihat kepada detik sejarah pembentukan negara.

"Beta (sehubungan itu) ingin menasihatkan kepada semua rakyat khususnya ahli-ahli politik agar tidak mengambil kesempatan dan membangkitkan isu-isu perkauman serta keagamaan demi kepentingan politik peribadi mahupun parti masing-masing.

"Jika ingin memberikan sesuatu pandangan, lakukan secara berhemah tanpa perlu mempersoal apa yang telah dipersetujui dan termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan," titah Sultan Selangor sempena hari keputeraan baginda ke-73 di Istana Alam Shah di sini hari ini.

Sempena sambutan hari keputeraannya, Sultan Sharafuddin berkenan menyampaikan 114 darjah dan bintang kebesaran Selangor dengan adinda baginda, Tengku Puteri Nor Zehan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, mendahului senarai penerima.

Dalam perkembangan sama, Sultan Sharafuddin turut menitahkan umat Islam di negeri ini jangan terlibat dengan kegiatan ektremisme atau ajaran-ajaran yang bertentangan dengan kepercayaan serta amalan Ahli Sunnah Wal Jamaah.

"Beta menyarankan agar kerajaan dengan kerjasama pihak berkuasa agama sentiasa memantau kegiatan kumpulan yang mengamalkan ajaran sesat agar tidak berterusan mengelirukan umat Islam sehingga tidak dapat dikawal pada suatu hari nanti.

"Kita perlu sentiasa menjalankan intipan dan penguatkuasaan agar kegiatan mereka dapat dibenteras pada peringkat awal lagi dan beta tidak mahu kegiatan kumpulan ajaran sesat ini melahirkan golongan sesat dan ekstremis yang memecahbelahkan masyarakat," titah baginda.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Tengku Puteri Nor Zehan terima darjah tertinggi | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | | |
| Date | 12 Dec 2018 | Color | Full Color |
| Section | Dlm Negeri | Circulation | 112,050 |
| Page No | 4 | Readership | 336,150 |
| Language | Malay | ArticleSize | 265 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 5,238 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 15,713 |



# Tengku Puteri Nor Zehan terima darjah tertinggi

**KLANG 11 Dis.** - Adinda Sultan Selangor, Tengku Puteri Nor Zehan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah mendahului senarai 114 penerima darjah dan bintang kebesaran Selangor sempena ulang tahun ke-73 Hari Keputeraan Sultan Shaharafuddin Idris Shah, hari ini.

Tengku Puteri Nor Zehan yang juga Tengku Puan Panglima Perlis dan merangkap Yang Dipertua Rumah Amal Cahaya Tengku Ampuan Rahimah (RACTAR) di Subang Jaya, Selangor, dikurniakan Darjah Kerabat Selangor Yang Amat Dihormati (DK).

Istiadat pengurniaan darjah dan bintang kebesaran itu berlangsung di Istana Alam Shah di sini dan turut berangkat hadir, Tengku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Norashikin serta Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah, yang diiringi Menteri Besar, Amirudin Shari.

Daripada 114 penerima tersebut, hanya 25 sahaja yang mendapat gelaran Datuk Seri dan Datuk.

Panglima Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jeneral Tan Sri Panglima Zulkifli Zainal Abidin mengetuai penerima bukan kerabat dan menerima darjah kelas pertama, Darjah Kebesaran Seri Paduka Mahkota Selangor (SPMS) yang membawa gelaran Datuk Seri kepada lelaki dan Datin Paduka Seri bagi wanita.

Turut sama menerima anugerah SPMS ialah Peguam Cara Negara II, Datin Seri Zauyah T. Loth Khan dan Pengarah Urusan Khazanah Nasional Bhd., Datuk Seri Shahril Ridza Ridzuan.

Tengku Puan Indera Setia Selangor, Tunku Irinah Almarhum Tuanku Jaafar; Ahli Dewan Diraja Selangor, Datuk Salehuddin Saidin dan Pro Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Tan Sri Lim Ah Lek @ Lim Mok Siang pula menerima Darjah Kebesaran Datuk Setia Sultan Sharafuddin Idris Shah (SSIS) yang membawa gelaran Datuk Setia bagi lelaki dan Datin Paduka Setia bagi wanita.

Dalam pada itu, Hakim Mahkamah Tinggi Shah Alam, Datuk Mohamad Zabidin Mohd. Diah mendahului senarai sembilan penerima Darjah Kebesaran Datuk Paduka Mahkota Selangor (DPMS) yang membawa gelaran Datuk bagi lelaki dan Datin Paduka bagi wanita.



**SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH menganugerahkan Darjah Kerabat Selangor Yang Amat Dihormati (DK II) kepada Tengku Puteri Nor Zehan Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj di Balairung Seri Istana Alam Shah, Klang, Selangor semalam. - BERNAMA**

Powered by: isentia

| Headline | Tiada tempat untuk cauvanis di Selangor- Amirudin | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Utusan Malaysia | | |
| Date | 12 Dec 2018 | Color | Full Color |
| Section | Dlm Negeri | Circulation | 112,050 |
| Page No | 4 | Readership | 336,150 |
| Language | Malay | ArticleSize | 160 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,162 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 9,487 |



# Tiada tempat untuk cauvanis di Selangor – Amirudin



**KLANG 11 Dis.** - Kerajaan Negeri Selangor memberi ikrar kepada Sultan Sharafuddin Idris Shah bahawa pihaknya tidak akan bertolak ansur terhadap pihak atau sebarang anasir yang cuba menggugat ketenteraman dan keamanan negeri itu.

Menteri Besar, Amirudin Shari (**gambar**) berkata, pentadbirannya akan memastikan rakyat berbilang kaum di Selangor hidup secara aman dan sentosa dengan mengekalkan kehormonian yang telah sekian lama dipupuk.

"Patik dan pentadbiran negeri akan memastikan kesentosaan negeri buat sekalian rakyat negeri Selangor. Segala bentuk cauvinisme kaum mahupun agama tidak punya tempat di negeri ini," katanya dalam ucapan sembah taat setia bersempena Hari Keputeraan Sultan Selangor Ke-73 di Istana Alam Shah di sini hari ini.

Hujung bulan lalu, berlaku insiden rusuhan di Kuil Sri Maha Mariamman di USJ 25, Subang Jaya yang menyaksikan lapan lelaki cedera dengan dua daripadanya adalah anggota badan beruniform iaitu polis dan bomba.

Insiden tersebut, yang dilihat sedikit mencalar keharmonian masyarakat berbilang kaum di negara ini menyaksikan anggota bomba berkenaan, Muhammad Adib Mohd Kassim cedera parah dan masih dirawat di Institut Jantung Negara (IJN).

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Selangor bina loji insinerator di Jeram | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | | |
| Date | 12 Dec 2018 | Color | Full Color |
| Section | Dlm Negeri | Circulation | 112,050 |
| Page No | 47 | Readership | 336,150 |
| Language | Malay | ArticleSize | 233 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 4,605 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 13,815 |






**KIRA-KIRA 3,000 tan metrik sisa pepejal mampu diproses dalam sehari apabila loji insinerator di Jeram, Selangor siap pada 2024.**

# Selangor bina loji insinerator di Jeram

**SHAH ALAM 11 Dis.** - Sebuah loji insinerator terbesar di negara ini akan dibina di Jeram, Selangor, yang apabila siap sepenuhnya pada 2024 mampu memproses 3,000 tan metrik sisa pepejal sehari dan menukarnya kepada tenaga elektrik sehingga 60 megawatt (mw), cukup untuk menerangi 75,000 isi rumah.



**AMIRUDIN SHARI**

Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari berkata, pembinaan loji tersebut dengan kerjasama di antara anak syarikat kerajaan negeri, Worldwide Holdings Berhad dan syarikat dari China, Wastern Power Clean Energy Sdn. Bhd., akan dilaksanakan mengikut fasa, dengan fasa pertama siap empat tahun lagi.

Jelasnya, bagi fasa pertama, loji insinerator tersebut akan dibina di atas tanah seluas lapan hektar, yang menelan kos sebanyak RM500 juta.

Katanya, sebaik beroperasi, ia mampu memproses 1,200 tan metrik sisa pepejal sehari, sekaligus menjana sehingga 24 mw elektrik bagi kegunaan 15,000 isi rumah di sekitar Jeram.

Menurutnya, Selangor menghasilkan 7,000 tan metrik sampah sehari dan ke arah negeri hijau, sekurang-kurang dua lagi loji insinerator diperlukan pada masa hadapan tetapi dalam skala yang lebih kecil berbanding di Jeram dengan Kuala Langat adalah lokasi pilihan.

"Kita mencatatkan urbanisasi yang pantas dan pengurusan sisa pepejal perlu dititikberatkan seiring dengan strategi keempat Belanjawan Selangor 2019 iaitu melestarikan alam sekitar kerana kaedah konvensional tidak lagi praktikal, bukan sahaja tidak lestari tetapi melibatkan kawasan yang luas.

"Sedangkan jika menggunakan kaedah insinerator ini, bukan sahaja kelestarian alam sekitar terpelihara dengan dijana pula tenaga elektrik tetapi tapak tanah dapat dijimatkan bagi pembangunan projek-projek lain," katanya pada sidang akhbar selepas majlis menandatangani perjanjian bersama di antara Worldwide Holdings dan Wastern Power di sini.

Yang turut hadir Pengerusi Worldwide Holdings, Datuk Nor Azmi Diron; Ketua Pegawai Eksekutif Worldwide Holdings, Datin Paduka Norazlina Zakaria; Presiden dan Pengarah Eksekutif China Western Power Engineering and Construction Co Ltd, Yang Xiangdong serta Pengarah Eksekutifnya, Joan Shuhong.

Powered by: isentia

| Headline | Ruler: Uphold harmony and unity | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | The Star | | |
| Date | 12 Dec 2018 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 201,943 |
| Page No | 13 | Readership | 605,829 |
| Language | English | ArticleSize | 410 cm² |
| Journalist | WANI MUTHIAH | AdValue | RM 21,956 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 65,868 |



# Ruler: Uphold harmony and unity

## Do not raise racial and religious issues for your political interests, says Selangor Sultan

By **WANI MUTHIAH**
newsdesk@thestar.com.my

**KLANG:** The lack of initiative to acquire an in-depth understanding of the nation's history and the formation of its social contract is the cause of the issues and suspicion among the different races and religions recently, said the Selangor Sultan.

This, added Sultan Sharafuddin Idris Shah, had threatened the harmony and unity of Malaysians.

"I would like to advise everyone, especially politicians, not to take the opportunity to raise racial and religious issues for their political interests and that of their parties.

"Society must rightfully realise that issues regarding race and religion are very sensitive in our community," he said in his royal address at the investiture ceremony in conjunction with his 73rd birthday at Istana Alam Shah here yesterday.

Malaysians, he said, must not forget their origin and the history behind the nation's formation as well as the formulation of its social contract, which was an agreement and understanding among the races upon independence.

He said those who wanted to give opinion on issues must do it prudently and within the limits of the law and without questioning what had been agreed upon and enshrined in the Federal Constitution.

The Ruler said everyone must take care of each other's feelings and ensure that whatever they say do not hurt others.

Sultan Sharafuddin also expressed his regret over the recent incident at the Seafield Sri Mahamariaman temple, which had resulted in a fireman and members of the public injured.

He said he was also informed there had been extensive damage to property and vehicles during the incident.

"I regret very much that such on incident happened in Selangor. Something such as this would not have happened if we knew how to respect the law, culture, religion and the sensitivities of the country's various races," said Sultan Sharafuddin.

The Ruler advised Malaysians not to destroy what had been achieved collectively over the years by raising confusion and suspicion among the races and religions. He said it took such a long time to build a nation.

"Like the English proverb 'Rome was not built in a day', if we are not careful and create enmity between each other, the nation will be destroyed and shattered in the wink of an eye," said Sultan Sharafuddin.

He also advised all state leaders and civil servants to keep away from graft.



**Royal award:** Sultan Sharafuddin placing the Dato' Setia-Sultan Sharafuddin Idiris Shah (SSIS) award on Tan Sri Lim Ah Lek at Balairung Seri Istana Alam Shah in Klang.

Powered by: isentia

| Headline | Fighting their cause on social media | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | The Star | | |
| Date | 12 Dec 2018 | Color | Full Color |
| Section | Metro | Circulation | 201,943 |
| Page No | 1,2 | Readership | 605,829 |
| Language | English | ArticleSize | 1044 cm² |
| Journalist | Priya Menon | AdValue | RM 55,693 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 167,079 |




NEWS

Kota Kemuning folk unite on social media to save their park

>2



# Fighting their cause on social media

## Kota Kemuning residents take to Facebook to oppose planned hypermarket in their neighbourhood

By PRIYA MENON
priya@thestar.com.my

KOTA KEMUNING residents are banding together to oppose the proposed new hypermarket at the fringe of their lake and public park.

Individual residents are doing what they can to garner support against the upcoming project on an empty plot of land belonging to the Shah Alam City Council (MBSA) beside Sinaran Business Park 2. The land was initially set aside for a bazaar.

The lake and nearby park is a favourite spot for Kota Kemuning residents. Many visit the park daily and on weekends, families can be spotted flying kites on the land that is earmarked for development.

The residents' pride is visible on the Kota Kemuning Facebook page where they often post photos of the lake and its surroundings.

The Facebook page administrator also conducted a poll to gather feedback from residents after *StarMetro* highlighted the issue on Nov 7.

At press time, 832 people said they were opposed to the idea of having a hypermarket in the area, 66 agreed while eight people were indifferent.

On Dec 1, an individual was spotted handing out a copy of *StarMetro's* article to passers-by with notes in Bahasa Malaysia on why the development should not take place.

Some of those who took the pamphlets then posted it on the Facebook page and circulated it via social media to inform others of the issue.

One user calling himself Peter Chung said although the hypermarket was part of the original masterplan, it should not be freely implemented if an environmental and traffic impact assessment showed it would have a negative impact on the area.

"A wrong must be corrected and not blindly followed," he said on Facebook.

Geraldine Wong said her husband brought home the pamphlet on Dec 1 after going for his usual run in the park.

She felt the need to reach out to residents who were in the dark like her by posting it on Facebook.

"No one in our neighbourhood will be spared from these changes and everyone needs to know!" she said in an inverview via Facebook Messenger.

Wong fears the hypermarket will worsen traffic as residents and visitors will be using the same main road. The completion of a mosque will also bring more vehicles into the area.

Wong said many elders frequent the park as well as runners like her.

"Some residents pointed out the masterplan was drawn up years ago. Plans can always be reviewed.

"Kota Kemuning is a peaceful neighbourhood, and I hope town planners will see how essential it is for them to meet the needs of the community and building sustainable cities," she stressed.

Another resident, Eric Lim, said he is a regular user of the park and wanted to preserve the pristine beauty of the lake and maintain its clean environment.

"A hypermarket is a definite no no. Already a large area of Kota Kemuning is infested with crows and many can be seen around the lake area," Lim said.

He added that the situation would only get worse with the addition of a massive new structure so near the lake.

Kota Kemuning Residents Association (KKRA) secretary Vivien Khoo believes many residents have complained via MBSA's e-Aduan app.

"Including those from KKRA committee members, we believe more than 20 complaints have been lodged so far," added Khoo.

KKRA has submitted an objection letter to Shah Alam mayor Datuk Ahmad Zaharin Mohd Saad but have not received any news.

Meanwhile, area MBSA councillor Kamarudzaman Sanusi said the development had been approved before he took office.

"Having such a structure beside the lake would not blend well with the surroundings," he stressed.

Kamarudzaman said the company involved submitted their development Plan to the One Stop Centre (OSC).

In a meeting last month, he rejected the plan and asked for the subject to be discussed again at the Privatisation Committee.

"Building on the site will deprive the public of a recreational space," he added.

Kamarudzaman said any development should not be at the expense of public amenities. "The open area is currently used as a parking lot for those using the park.

It can also be used by Muslim worshippers once the Kota Kemuning mosque is completed.

"The space can be turned into a food truck venue and still generate income for MBSA.

"Vendors can use it at night and the public can utilise the area during the day," he said.



The park and lake provide a serene place for Kota Kemuning residents to unwind.




Check out our special:
Education & Further Studies Fair - Series 48
on December 14.


### 'Leave our green lung alone'

Proposal to build hypermarket near Kota Kemuning lake has riled up residents as they want popular recreational area to remain

By PRIYA MENON





Kota Kemuning residents are using Facebook to lobby against the proposed development of a hypermarket next to this park.



The proposed hypermarket will be built on a 0.8ha plot of land next to the Kota Kemuning lake.

| Headline | Selangor`s first public library in a mall opens | | |
| --- | --- | --- | --- |
| MediaTitle | The Star | | |
| Date | 12 Dec 2018 | Color | Full Color |
| Section | Metro | Circulation | 201,943 |
| Page No | 1,6 | Readership | 605,829 |
| Language | English | ArticleSize | 400 cm² |
| Journalist | EMBREN BATRISYIA ZAIIMOURUDIN | AdValue | RM 21,338 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 64,014 |




EVENTS

Selangor public library opens first outlet in mall

>6

# Selangor's first public library in a mall opens

## Facility in Petaling Jaya shopping centre has attracted 5,000 visitors



(From left) Rajiv, PPAS head of services Mohamed Fadzli Mohd Fauzi, PPAS head of library network service division Zahir Yahaya, Jaya One Sdn Bhd marketing and communication department content manager Jane Tung and assistant librarian Zharrif Amir Mohd Zamri at the soft launch of the library.

By **EMBREN BATRISYIA ZAINOURUDIN**
metro@thestar.com.my

WITH malls being a preferred destination for families, the Selangor Public Library Corporation (PPAS) has opened its first outlet at Jaya One, Petaling Jaya.

The 5,000sq ft facility was opened by Bukit Gasing assemblyman Rajiv Rishyakaran who also sits on PPAS board of directors.

Rajiv said there should be more public libraries in shopping malls as well as MRT stations to make them easily accessible.

He added it would be cheaper too as the government would not have to buy land to construct a purpose-built building.

He also encourages the public to donate reading materials to PPAS.

"If you have books that you do not want anymore, please give them to the Raja Tun Uda Library in Shah Alam to be distributed to public libraries," he said during the soft launch.

Since it was opened on Oct 7, the public library has received over 5,000 visitors.

Among the facilities offered are free WiFi, seminar and reading areas, computers as well as printing service.

More than 5,000 books can be borrowed by registered members. Registration to become a member is free.

Jaya One Sdn Bhd marketing and communication department head Ellis Teh said parents welcomed the convenience of having a library in the mall.

"Children are able to spend their time beneficially in a safe and conducive environment while their parents run errands."

The library is located at 100-P2.003, The School, Block J, Jaya One, No 72A, Jalan Universiti, Section 13, Petaling Jaya.

It is open daily from 10am to 7pm except public holidays.

Powered by: isentia

| Headline | `DON'T POLITICISE SENSITIVE ISSUES' | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | New Straits Times | | |
| Date | 12 Dec 2018 | Color | Full Color |
| Section | Local News | Circulation | 36,278 |
| Page No | 11 | Readership | 108,834 |
| Language | English | ArticleSize | 448 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 15,443 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 46,329 |





*Sultan of Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah arriving at the royal tea ceremony in conjunction with his 73rd birthday at Istana Alam Shah in Klang yesterday. With him are Tengku Permaisuri of Selangor Tengku Permaisuri Norashikin and Raja Muda of Selangor Tengku Amir Shah.* PIC BY FAIZ ANUAR

RACE, RELIGION

# 'DON'T POLITICISE SENSITIVE ISSUES'

## Express views in civilised manner, says Selangor ruler

SIRAJ MOHD ZAINI
**KLANG**
siraj@nstp.com.my

SULTAN of Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah reminded the people, especially politicians, not to exploit racial and religious issues for political gain.

The sultan said the public should remain aware that issues related to race and religion were extremely sensitive.

"If we wish to express views, it should be done in a civilised and orderly manner without questioning what had been agreed and stated in the Federal Constitution.

"We must protect the feelings (of the different) races so that our words will not hurt anyone," he said at the royal tea ceremony in conjunction with his 73rd birthday at Istana Alam Shah here yesterday.

Sultan Sharafuddin expressed his regret over the riot at the Sri Maha Mariamman Temple in Subang Jaya last month, which saw a fireman seriously injured.

He said such an incident would not have occurred if all parties respected the law, cultures, religions and sensitivity of citizens in this multiracial country.

"Do not destroy everything that we have built together by creating confusion and suspicion among the races and religious beliefs that exist in our community.

"It takes a long time to build a nation. As the proverb goes, 'Rome was not built in a day'.

"But if we are not careful and become hostile towards each other, the country may be ruined and destroyed in an instant."

Sultan Sharafuddin urged Muslims in the state not to get involved with extremism and deviant teachings that were against the faith and religious practices of the *Ahli Sunnah Wal Jamaah* (those who follow the *sunnah*).

"I advise the government, in cooperation with the Selangor Islamic Religious Council and Selangor Islamic Department, to monitor the activities of deviant teaching groups to ensure that they will not confuse Muslims."

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | `Ruler paved way for state to revise legal marriage age' | | |
| MediaTitle | New Straits Times | | |
| Date | 12 Dec 2018 | Color | Black/white |
| Section | Local News | Circulation | 36,278 |
| Page No | 11 | Readership | 108,834 |
| Language | English | ArticleSize | 110 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,997 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 5,991 |




ASSENTED TO AMENDMENT

# 'Ruler paved way for state to revise legal marriage age'

**KLANG:** Sultan of Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah's concerns over child marriages paved the way for Selangor to become the first state to revise the minimum legal marriage age for Muslims to 18.

Menteri Besar Amirudin Shari said the amendment was passed by the state legislative assembly on Sept 6.

"When the issue of child marriages shook the nation, the sultan assented to the amendment of the Islamic Family Law (state of Selangor) Enactment and Syariah Court Civil Procedure (state of Selangor) Enactment to increase the minimum marriage age (from 16 to 18).

"*Alhamdulillah* (praise be to God), with the sovereignty, dignity and authority of Tuanku (Sultan Sharafuddin), the amendment was tabled and passed in the state legislative assembly.

"We are fortunate and proud to serve under his wisdom," he said in the menteri besar's declaration of allegiance in conjunction with the sultan's 73rd birthday at Istana Alam Shah here yesterday.

Amirudin said the state continued to record achievements and was the main contributor to the country's gross domestic product, with an increase from 22.7 per cent in 2016 to 23 per cent last year.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | `Pelihara perasaan semuakaum' | | |
| MediaTitle | Harian Metro | | |
| Date | 12 Dec 2018 | Color | Full Color |
| Section | Setempat | Circulation | 112,705 |
| Page No | 26 | Readership | 338,115 |
| Language | Malay | ArticleSize | 304 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 11,976 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 35,927 |



***"Janganlah kita rosakkan segala yang telah kita bina bersama selama ini dengan menimbulkan pelbagai kekeliruan dan syak wasangka di antara kaum dan fahaman agama yang wujud dalam masyarakat kita***

***Sultan Sharafuddin***

# 'Pelihara perasaan semua kaum'



*SULTAN Sharafuddin Idris Shah berkenan menerima cenderahati sambil diiringi Amirudin pada Majlis Jamuan Teh Diraja sempena Sambutan Hari Keputeraan Sultan Selangor Ke-73 di Istana Alam Shah, Klang, semalam.*

**Klang:** Sultan Selangor mengingatkan rakyat, khususnya ahli politik supaya tidak mengambil kesempatan membangkitkan isu perkauman dan keagamaan demi kepentingan politik serta parti masing-masing.

Titah Sultan Sharafuddin Idris Shah, masyarakat harus sedar bahawa isu berkaitan dengan kaum dan agama sangat sensitif di negara ini.

"Jika kita ingin memberi sesuatu pandangan perlulah dilakukan secara berhemah dan berperaturan tanpa perlu mempersoalkan apa yang sudah dipersetujui dan termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

"Kita perlu memelihara hati dan perasaan antara kaum supaya setiap yang kita tuturkan tidak akan menyakitkan hati mana-mana pihak," titah baginda pada Jamuan Teh Diraja sempena Hari Keputeraan Sultan Selangor ke-73, di Padang Mahkota, Istana Alam Shah di sini, semalam.

Sultan Sharafuddin Idris Shah turut melahirkan perasaan dukacita dan kesal dengan insiden rusuhan di Kuil Sri Maha Mariamman, USJ 25, Subang Jaya, pada hujung bulan lalu sehingga mengakibatkan kecederaan parah kepada seorang anggota bomba.

Baginda bertitah, kejadian sedemikian tidak seharusnya berlaku jika semua pihak menghormati undang-undang, budaya, agama dan sensitiviti rakyat pelbagai kaum di negara ini.

"Janganlah kita rosakkan segala yang telah kita bina bersama selama ini dengan menimbulkan pelbagai kekeliruan dan syak wasangka di antara kaum dan fahaman agama yang wujud dalam masyarakat kita.

"Untuk membina sebuah negara ia memakan masa yang begitu lama untuk dibentuk seperti pepatah Inggeris menyatakan 'Rome was not built in a day' namun jika kita tidak berhati-hati dan bermusuhan antara satu sama lain, negara akan musnah dan hancur di dalam sekelip mata sahaja," titah baginda.

Dalam pada itu, baginda menyeru umat Islam di negeri ini tidak terbabit dengan kegiatan ekstrimis dan ajaran yang bertentangan dengan kepercayaan dan amalan Ahli Sunnah Wal Jamaah.

"Beta juga menyarankan agar kerajaan dengan kerjasama Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) sentiasa memantau kegiatan kumpulan yang mengamalkan ajaran sesat agar ia tidak berterusan mengelirukan umat Islam sehingga tidak dapat dikawal suatu hari nanti," titah baginda.

Powered by: isentia

theSun
TELLING IT AS IT IS
ON WEDNESDAY DECEMBER 12, 2018 ★

**INSIDE**

*Plan to use B20 diesel by 2020* **page 2**

*The mythical social contract* Speak Up **page 15**



*The Haven CEO is Property Man of The Year* **page 7**



No. 7193 PP 2644/12/2012 (031195) www.thesundaily.my



Sultan Sharafuddin pinning the Darjah Kebesaran Ahli Kegemilangan Sukan Selangor award on rhythmic gymnastics athlete Amy Kwan during a conferment ceremony in conjunction with the Sultan's 73rd birthday celebration at Balairong Seri Istana Alam Shah yesterday. **- *BERNAMAPIX***

| Headline | Sultan prihatin isu kahwin bawah umur | | |
| --- | --- | --- | --- |
| MediaTitle | Harian Metro | | |
| Date | 12 Dec 2018 | Color | Full Color |
| Section | Setempat | Circulation | 112,705 |
| Page No | 26 | Readership | 338,115 |
| Language | Malay | ArticleSize | 136 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 5,358 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 16,073 |




# Sultan prihatin isu kahwin bawah umur

**Klang:** Keprihatinan Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah terhadap isu perkahwinan bawah umur menjadikan Selangor sebagai negeri pertama di Malaysia melaksanakan pindaan had umur minimum perkahwinan Islam.

Menteri Besar Amirudin Shari berkata, pindaan itu diluluskan dalam sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor pada 6 September lalu, bagi menaikkan had umur minimum perkahwinan Islam daripada 16 kepada 18 tahun.

"Ketika isu perkahwinan bawah umur menggemparkan negara, Duli Yang Maha Mulia (DYMM) tuanku memberi perkenan untuk meminda Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) dan Enakmen Tatacara Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 bagi menaikkan had umur minimum perkahwinan.

"Alhamdulillah dengan daulat, kemuliaan dan kebesaran DYMM tuanku, pindaan ini berjaya dibentangkan serta diluluskan dalam sidang DUN Selangor.

"Patik dan sekalian rakyat berasa bertuah dan berbangga dinaungi DYMM tuanku yang cukup arif dan bijaksana," katanya dalam ucapan Sembah Taat Setia Menteri Besar sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Sultan Selangor ke-73 di Istana Alam Shah, di sini, semalam.

Dalam pada itu, Amirudin berkata, negeri ini terus mencatat kejayaan pada tahun lalu apabila menjadi penyumbang utama kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia dengan 23 peratus, meningkat daripada 22.7 peratus pada tahun sebelumnya.

Katanya, kedudukan kewangan yang kukuh serta pentadbiran yang mengamalkan ketelusan dan keterbukaan menjadikan negeri ini tumpuan utama pelabur dari dalam dan luar negara.

"Pada 23 November lalu, Belanjawan Selangor 2019 dibentangkan berteraskan kemahuan untuk merancakkan ekonomi, memberdaya rakyat dan mensejahterakan negeri.

"Kerajaan yang dinaungi DYMM tuanku terus melaksanakan program dan inisiatif bagi memacu pertumbuhan ekonomi sekaligus membela kebajikan rakyat," katanya.

Powered by: isentia

| Headline | Hafizh Syahrin harap bintang kebesaran diterimanya jadi pembakar semangat | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Kosmo | | |
| Date | 12 Dec 2018 | Color | Full Color |
| Section | Negara | Circulation | 155,996 |
| Page No | 15 | Readership | 467,988 |
| Language | Malay | ArticleSize | 268 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 6,982 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 20,945 |



# Hafizh Syahrin harap bintang kebesaran diterimanya jadi pembakar semangat

**KLANG** – Pelumba MotoGP, Hafizh Syahrin Abdullah berharap anugerah Bintang Kecemerlangan Sukan Selangor yang diterimanya semalam menjadi pembakar semangat kepada bakat muda lain untuk terus beraksi dan menempa kejayaan dalam perlumbaan motosikal.

Pelumba MotoGP pertama Malaysia itu berkata, anugerah yang diterima daripada Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah memberikan semangat kepadanya untuk terus beraksi dan melakukan yang terbaik dalam setiap perlumbaan.

"Insya-Allah, anugerah ini dapat memberikan semangat kepada anak muda di Selangor membuat yang terbaik (dalam sukan permotoran)," katanya ketika ditemui selepas menerima anugerah itu daripada Sultan Selangor sempena ulang tahun ke-73 Hari Keputeraan baginda di Istana Alam Shah di sini.

Hafizh Syahrin adalah antara 114 penerima darjah dan bintang kebesaran Selangor pada majlis itu.

Mengenai persiapan musim 2019, Hafizh Syahrin, 24, dari Ampang, Selangor memberitahu, tumpuannya kini ke arah saingan pembuka tirai Kejuaraan MotoGP di Qatar yang akan berlangsung Mac depan.

"Saya akan menjalani latihan di Litar Sepang mulai awal tahun depan sehingga Februari sebelum beraksi di pembuka tirai kejuaraan MotoGP di Qatar," ujarnya.

Sebelum ini, Hafizh Syahrin berjaya menamatkan perlumbaan sulungnya di dalam kejuaraan MotoGP Qatar yang berlangsung di Litar Losail, Mac tahun ini.

Pada perlumbaan itu, Hafizh memungut dua mata.

Beliau yang memulakan perlumbaan di petak ke-15 kemudiannya menamatkan saingan di kedudukan ke-14 dan ketinggalan 20.299 saat di belakang pendahulu perlumbaan, Andrea Dovizioso dari Itali yang mewakili pasukan Ducati. – Bernama



SULTAN SHARAFUDDIN berkenan menganugerahkan Bintang Kecemerlangan Sukan Selangor kepada Hafizh Syahrin pada istiadat penganugerahan darjah dan bintang kebesaran Selangor di Istana Alam Shah, Klang semalam.

Powered by: isentia

| Headline | Dukacita insiden rusuhan kuil | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 12 Dec 2018 | Color | Full Color |
| Section | Selangor & KL | Circulation | 160,000 |
| Page No | 17 | Readership | 509,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 439 cm² |
| Journalist | HIDAYAH HAIROM | AdValue | RM 7,488 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 22,464 |



EDITOR: KHAIRUL AMRI YASIN PENOLONG EDITOR: ASMALIZA MANSOR, IZWAN ROZLIN & ASWANY OMAR

# Dukacita insiden rusuhan kuil

*Sultan Selangor mahu rakyat jaga sensitiviti pelbagai kaum di negara ini*

HIDAYAH HAIROM

**KLANG**

Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah dukacita atas peristiwa melibatkan rusuhan di kuil Sri Maha Mariamman, Seafield di Subang Jaya, baru-baru ini.

Baginda menyifatkan insiden itu tidak seharusnya berlaku, sekiranya rakyat tahu menghormati undang-undang, budaya, agama, dan sensitiviti pelbagai kaum di negara ini.

"Janganlah kita rosakkan segala yang kita bina bersama selama ini dengan menimbulkan pelbagai kekeliruan dan syak wasangka di antara kaum dan fahaman agama yang wujud di dalam masyarakat kita.

"Untuk membina sebuah negara ia memakan masa begitu lama untuk dibentuk seperti pepatah Inggeris menyatakan 'Rome was not built in a day' namun jika kita tidak berhati-hati dan bermusuhan antara satu sama lain, negara akan musnah dan hancur di dalam sekelip mata.

"Di sini beta ingin menegaskan bahawa kita tidak boleh sama-sekali melupakan asal-usul kita dan melihat kepada detik-detik sejarah pembentukan negara kita. Rakyat di negara ini perlu tahu sejarah pembentukan 'kontrak sosial' iaitu satu bentuk persetujuan dan persefahaman antara pelbagai kaum di negara ini semasa negara kita mencapai kemerdekaan," Baginda bertitah demikian pada Majlis Jamuan Teh Diraja Sempena Hari Keputeraan ke 73 di Istana Alam Shah, di sini semalam.

Turut berangkat, Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin dan Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah.

Foto: BERNAMA



Sultan Sharafuddin dan Tengku Norashikin berkenan bersalaman dengan tetamu pada Majlis Jamuan Teh Di Raja di Padang Mahkota Istana Alam Shah, semalam.

Tegas Sultan Sharafuddin, persefahaman dicapai ini meliputi pelbagai aspek sosio-ekonomi dan taraf kerakyatan bagi pelbagai kaum.

"Persetujuan melalui kontrak sosial ini kemudiannya menjadi teras dan elemen penting tercatat dalam Perlembagaan Persekutuan.

"Akibat tidak mengambil berat untuk mengetahui dan memahami tentang sejarah negara secara mendalam dan sejarah pembentukan kontrak sosial ini, maka timbul pelbagai isu dan syak wasangka antara kaum dan agama sejak kebelakangan ini yang telah sedikit sebanyak menggugat keharmonian dan perpaduan masyarakat Malaysia," titah baginda.

Oleh itu, baginda menasihati semua rakyat khususnya ahli-ahli politik agar tidak mengambil kesempatan membangkitkan isu-isu perkauman dan keagamaan demi kepentingan politik dan parti masing-masing.

Titah baginda lagi, sebagai Sultan di Negeri Selangor baginda mahu memastikan kesejahteraan rakyat terjaga, bukan bertujuan mencampuri urusan kerajaan.

*info*

**Ahli-ahli politik dinasihat tidak ambil kesempatan bangkit isu kaum, agama**

"Beta sekadar beri nasihat kepada semua pihak atas dasar tanggungjawab sebagai seorang Raja yang mempunyai peranan di dalam sistem pemerintahan Raja Berperlembagaan.

"Bagi umat Islam di Negeri Selangor ini, Beta seru agar tidak terlibat dengan kegiatan ekstremis dan ajaran bertentangan dengan kepercayaan dan amalan Ahli Sunnah Wal Jamaah.

"Beta juga menyarankan kerajaan dengan kerjasama Majlis Agama Islam Selangor dan Jabatan Agama Islam Selangor sentiasa memantau kegiatan kumpulan-kumpulan amalkan ajaran sesat agar ia tidak berterusan mengelirukan umat Islam sehingga tidak dapat dikawal di suatu hari nanti," titah baginda.

Powered by: isentia

| Headline | Negeri pertama pinda had umur kahwin | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 12 Dec 2018 | Color | Full Color |
| Section | Selangor & KL | Circulation | 160,000 |
| Page No | 17 | Readership | 509,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 179 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,053 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 9,160 |




# Negeri pertama pinda had umur kahwin

**SHAH ALAM -** Selangor merupakan negeri pertama di negara ini yang berjaya melaksanakan pindaan terhadap had minimum umur perkahwinan Islam.

Menteri Besarnya, Amirudin Shari berkata, kerajaan negeri berjaya membentangkan dan mendapat kelulusan bagi membuat pindaan untuk menaikkan had umur perkahwinan dari 16 kepada 18 tahun menerusi Sidang Dun yang berlangsung pada 6 September lepas.

"Ketika isu perkahwinan bawah umur menggemparkan negara, Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah telah bertitah dan memberi perkenan untuk meminda Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) dan Enakmen Tatacara Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003.

"Alhamdulillah dengan daulat, kemuliaan dan kebe-



AMIRUDIN

saran Tuanku, pindaan ini berjaya dibentangkan dan diluluskan sekali gus menjadikan Selangor negeri pertama yang melaksanakan pindaan ini," katanya menerusi ucapan Sembah Taat Setia Menteri Besar bersempena Ulang Tahun Hari Keputeraan ke 73 Sultan Selangor, semalam

Terdahulu, pindaan had umur perkahwinan mula mendapat perhatian susulan pernikahan melibatkan seorang kanak-kanak perempuan Thailand berusia 11 tahun dengan pasangan warganegara ini berumur 41 tahun.

Malah, Sultan Sharafuddin turut menitahkan supaya Majlis Agama Islam Selangor (Mais) dan Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) menyemak semula undang-undang dalam kalangan orang Islam di negeri ini dan membuat cadangan penambahbaikan jika perlu.

Susulan itu, Sidang Dun Selangor pada 6 September lalu meluluskan Rang Undang-Undang (RUU) Enakmen Keluarga Islam Negeri Selangor 2003 (Pindaan) 2018 bagi menyelaraskan had umur minima perkahwinan Islam di negeri ini.

Dalam perkembangan lain, Amirudin berkata, kerajaan Selangor juga sedang mengambil langkah secara komprehensif bagi mengutamakan kelestarian alam sekitar di negeri ini.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | 118 terima darjah kebesaran Selangor | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 12 Dec 2018 | Color | Full Color |
| Section | Selangor & KL | Circulation | 160,000 |
| Page No | 17 | Readership | 509,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 168 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,866 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 8,597 |



# 118 terima darjah kebesaran Selangor

**KLANG -** Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenaan menganugerahkan darjah kebesaran dan bintang kepada 118 penerima pada Istiadat Pengurniaan Darjah dan Bintang Kebesaran Selangor sempena menyambut ulang tahun Hari Keputeraan baginda yang ke-73 di Istana Alam Shah, di sini semalam.

Tengku Puan Panglima Perlis, Tengku Puteri Nor Zehan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, mendahului senarai apabila menerima anugerah tertinggi Selangor, Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati (DK).

Foto: ASRIL ASWANDI SHUKOR



**Tengku Puteri Nor Zehan mendahului senarai apabila menerima Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati.**

Sementara itu, Panglima Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jeneral Tan Sri Datuk Seri Panglima Zulkifli Zainal Abidin pula dianugerahkan darjah kelas pertama iaitu Darjah Kebesaran Seri Paduka Mahkota Selangor (SPMS) yang membawa gelaran Datuk Seri kepada lelaki dan Datin Paduka Seri kepada wanita.

Turut menerima SPMS pada istiadat itu ialah Peguam Cara Negara II, Datin Paduka Zauyah Be T Loth Khan dan Pengarah Urusan Khazanah Nasional Bhd, Datuk Shahril Ridza Ridzuan.

Darjah Kebesaran Datuk Setia-Sultan Sharafuddin Idris Shah (SSIS) yang membawa gelaran Datuk Setia kepada lelaki dan Datin Paduka Setia kepada wanita dianugerahkan kepada Tengku Puan Indera Setia Selangor, Tunku Irinah Tuanku Jaafar; Ahli Dewan Diraja Selangor, Datuk Salehuddin Saidin dan Pro Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Tan Sri Lim Ah Lek @ Lim Mok Siang.

Sembilan penerima dianugerahkan Darjah Kebesaran Datuk Paduka Mahkota Selangor (DPMS) yang membawa gelaran Datuk bagi lelaki dan Datin Paduka bagi wanita.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Sultan Sharafuddin bangga kemajuan Selangor | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 12 Dec 2018 | Color | Full Color |
| Section | Selangor & KL | Circulation | 160,000 |
| Page No | 18 | Readership | 509,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 196 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,343 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 10,030 |



# Sultan Sharafuddin bangga kemajuan Selangor

**KLANG -** Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah amat berbangga dengan pembangunan pesat yang dicapai oleh negeri Selangor dalam perkembangan ekonomi dan infrastrukturnya sehingga menjadi sebuah negeri termaju di negara ini.

Baginda percaya kejayaan yang dicapai itu adalah hasil usaha cemerlang kerajaan, penjawat awam serta sumbangan rakyat yang bekerja di Negeri Selangor secara berterusan.

"Beta amat berharap agar segala kemajuan dan kemakmuran yang telah dicapai oleh Negeri Selangor ini akan dapat berterusan dan pemimpin dan masyarakat dari semua peringkat dapat bekerjasama dalam menjalankan tugas dengan penuh jujur dan keikhlasan.

"Para pemimpin negeri serta penjawat awam hendaklah sentiasa menitik beratkan etika kerja yang berlandaskan nilai-nilai murni dan kejujuran yang tinggi semasa menjalankan tugas yang diamanahkan kepada mereka," titah baginda.

Baginda bertitah demikian pada Majlis Jamuan Hi-Tea Diraja Sempena Menyambut Ulang Tahun Keputeraan Ke-73 di Padang Mahkota, Istana Alam Shah, di sini semalam.

Sultan Sharafuddin turut menasihatkan semua pemimpin negeri dan penjawat awam agar menjauhkan diri dari terlibat dengan gejala rasuah yang keji dan hina.

"Gejala rasuah tidak boleh diambil mudah dan perlu ditangani hingga ke akar umbi. Gejala rasuah bukan sahaja melibatkan mereka yang menerima rasuah malah golongan yang memberi rasuah juga perlu ditangani agar ia tidak menjadi satu budaya buruk yang menjadi amalan oleh masyarakat negara ini.

"Tiada erti kepada kemajuan sesebuah negara jika sikap pemimpin dan penjawat awam tidak amanah dan jujur di dalam melaksanakan tanggungjawab mereka," titah baginda.

Baginda juga berkenan supaya kerajaan Negeri Selangor dapat menjamin kehijauan alam semulajadi di Negeri Selangor ini terus terpelihara.

"Beta berharap agar kerajaan Negeri Selangor dengan kerjasama Jabatan Perhutanan dapat terus memelihara dan mengawal kawasan hutan simpan supaya tidak diceroboh dan tidak dimusnahkan untuk pembangunan.

"Beta juga mengharapkan kawasan hijau dapat terus dikekalkan supaya alam semulajadi di Negeri Selangor ini dapat dipelihara dengan baik dan sempurna.

"Dengan mengawal dan mengekalkan kawasan hijau, beta percaya ia dapat menjamin persekitaran yang sihat, bersih dan segar di Negeri Selangor," titah baginda.

Sila layari
sinarharian.com.my

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Tanah kosong jadi lubuk sampah | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 12 Dec 2018 | Color | Full Color |
| Section | Selangor & KL | Circulation | 160,000 |
| Page No | 22 | Readership | 509,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 822 cm² |
| Journalist | AZIE YAHAYA | AdValue | RM 14,021 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 42,064 |

[redacted]

# Tanah kosong jadi lubuk sampah

*Penduduk berdepan pencemaran bau, udara setiap hari*

AZIE YAHAYA

**PULAU INDAH**

Kira-kira 1,000 keluarga di Bandar Armada Putra, di sini, kecewa apabila kawasan kosong berhampiran perumahan mereka menjadi lokasi longgokan sampah.

Penduduk mendakwa, pembuangan sampah itu bukan perkara baharu malah sudah sekian lama sehingga menimbulkan bau busuk dan pencemaran sekitar.

Seorang penduduk, Julmiah Nasib, 39, berkata, sejak lima tahun lalu mereka terpaksa menghidu bau sampah dan keadaan semakin parah apabila sampah kini sudah menimbun.

Katanya, jarak tapak pembuangan sampah itu hanya 300 meter dari kediaman penduduk dan semakin luas sehingga sebesar padang bola sepak.

“Sampah semakin hari semakin meninggi. Kami sudah tak tahan kerana terpaksa berdepan pencemaran udara dan bau busuk. Ada pihak yang membakar sampah itu tetapi mengeluarkan asap tebal,” katanya.

Menurutnya, individu tidak bertanggungjawab itu semakin kerap membuang sampah walaupun penduduk pernah membuat aduan.

“Masalah ini dah lama berlarutan. Ada pihak berkaitan turun padang melihat sendiri masalah tersebut.

“Namun ia hanya seketika, sekarang kembali aktif beroperasi. Jadi sampai bila kami nak tanggung masalah ini disebabkan sikap tak bertanggungjawab orang lain,” soalnya.



Kawasan pembuangan sampah kini sebesar padang bola sepak.



Longgokan sampah menakung air dan menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes.

### *Jadi ‘hotspot’ denggi*

Imran Karmardin, 43, pula mahu masalah pembuangan sampah haram di kawasan tersebut diberi perhatian lebih-lebih lagi Bandar Armada Putra antara ‘hotspot’ denggi di Selangor.

“Kerana sikap pentingkan diri orang lain, penduduk di sini terpaksa tanggung derita. Sisa sampah dah jadi tempat air bertakung dan pembiakan nyamuk.



HAMDAN



IMRAN

“Anak saya juga jadi mangsa demam denggi. Mujur kami tak beraya di hospital tahun ni.

“Bau busuk makin kronik lebih-lebih lagi bila hujan, memang tak selesa. Bayangkan ini yang kami terpaksa hadap setiap hari,” katanya.

Bagaimanapun, menurut Imran, dia tidak pasti waktu individu terbabit melakukan pembuangan sampah.

“Pernah kami tunggu dari pagi hingga petang tapi tak ada pula lori atau individu yang buang sampah di kawasan berkenaan,” katanya.



JULMIAH

### *Mahu PBT ambil tindakan tegas*

Hamdan Mohidin, 41, pula memberitahu, selain sisa makanan, sampah pukal seperti perabot dibuang dan dibakar di lokasi berkenaan.

Menurutnya, longgokan sampah haram itu menarik anjing liar, sekali gus membahayakan keselamatan penduduk terutama kanak-kanak.

“Masalah anjing liar di perumahan ini bukan perkara baharu, bahkan bermula sejak ada tempat pembuangan sampah itu.

Hamdan berkata, dia bimbang jumlah haiwan ini semakin bertambah dan menjadikan kawasan berkenaan sebagai tempat tidur dan mencari makanan.

Justeru, dia mahu pihak berkuasa mengambil tindakan segera bagi menyelesaikan masalah tersebut.

“Sebelum ni memang ada pihak berkuasa meninjau masalah ini tapi ibarat ‘mencurah garam ke laut.’ Mereka tetap kembali membuang sampah di lokasi yang sama berulang kali.

“Jadi kita minta pihak penguatkuasa supaya lebih tegas dan selalu membuat pemantauan di kawasan terbabit,” katanya.

Sila layari sinarharian.com.my



Anjing liar berkeliaran di kawasan sampah dan membimbangkan penduduk.



Kayu dan sampah sisa industri turut dibuang di kawasan 300 meter dari perumahan.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | `Nanti ada yang kena rempuh' | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 12 Dec 2018 | Color | Full Color |
| Section | Selangor & KL | Circulation | 160,000 |
| Page No | 33 | Readership | 509,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 233 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,974 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 11,922 |



# 'Nanti ada yang kena rempuh'

**KAJANG** – Penduduk Taman Prima Saujana Seksyen 1 membantah tindakan pengusaha restoran meletakkan kerusi dan meja di tepi jalan raya kerana boleh mengganggu lalu lintas.

Bantahan itu juga dibuat bagi mengelakkan risiko kepada pelanggan restoran.

Timbalan Pengerusi Persatuan Penduduk Prima Saujana Seksyen 1, Kalamhamidi Abu Bakar berkata, penduduk di taman perumahan itu terpaksa menempuh laluan sempit kerana sebahagian jalan disusun kerusi dan meja.

Menurutnya, jalan dua lorong itu adalah laluan utama penduduk keluar dan masuk tetapi menghadapi mereka masalah itu sejak dua tahun lalu.

"Kita turut mendapati lebih 10 meja dan kerusi diletakkan di bahagian parkir selain di bahu jalan," katanya.

Kalamhamidi berkata, penduduk turut bimbang terhadap keselamatan pengunjung restoran tersebut kerana menjamu selera di tepi jalan.

"Mereka parkir motosikal berhampiran meja makan, laluan akan menjadi terlalu sempit," katanya.

Sementara itu, Ahli Jawatankuasa Keselamatan dan Kesejahteraan Lingkungan Persatuan Penduduk Taman Prima Saujana Seksyen 1, Jamaluddin Ahmad berkata, Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) ada menjalankan dua kali penguatkuasaan pada tahun ini.

"Kita harap MPKj dapat melaksanakan penguatkuasaan secara konsisten supaya masalaj ini dapat diselesaikan segera.

"Kita juga tidak mahu kejadian kenderaan merempuh pelanggan yang sedang menimati juadah," katanya.



**Penduduk membantah pengusaha restoran meletakkan meja dan kerusi di bahu jalan raya.**



**Menjamu selera di tepi jalan tidak menjamin keselamatan pelanggan restoran berkenaan.**

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Pupuk perpaduan masyarakat melalui program | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 12 Dec 2018 | Color | Full Color |
| Section | Selangor & KL | Circulation | 160,000 |
| Page No | 33 | Readership | 509,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 174 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,968 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 8,904 |



# Pupuk perpaduan masyarakat melalui program

**PANDAN JAYA** - Aktiviti kemasyarakatan seperti gotong-royong dan sambutan perayaan mampu memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat.

Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), K Thanabal berkata, aktiviti seperti itu membolehkan penduduk berinteraksi selain turut mengeratkan hubungan.

"Malah melalui program yang dijalankan dapat memberi manfaat kepada penduduk. Saya kagum melihat keharmonian yang terhasil daripada perpaduan antara kaum di kawasan ini," katanya.

Menurutnya, hasrat kerajaan juga mahu menyatupadukan masyarakat berbilang kaum.

"Saya akan sentiasa memberi sokongan terhadap program membabitkan perpaduan bagi memupuk kerjasama antara penduduk.

"Kepelbagaian program dan aktiviti yang dijalankan juga mampu memperkukuhkan semangat kejiranan seterusnya mewujudkan komuniti harmoni, sejahtera dan muafakat dalam kalangan masyarakat," katanya.



Thanabal (lima kiri) bergambar bersama penduduk Pandan Jaya.

Powered by: isentia